

## **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YB DATUK SERI HAJI MOHAMED KHALED BIN  
NORDIN**

**MENTERI PENDIDIKAN TINGGI**

**SEMPENA**

**PERASMIAN SIRI WEBINAR, PROGRAM SMILE 3.0,  
ANJURAN PELAJAR PASCASISWAZAH DOKTOR  
KESIHATAN PERGIGIAN AWAM**

**6 JUN 2023 | SABTU |12.30 TENGAH HARI**

**SECARA DALAM TALIAN**

**Terima kasih Pengacara Majlis,**

**Yang Berusaha Profesor Madya Doktor Aida  
Norashikin Abdul Rahman**

Dekan Fakulti Pergigian

Universiti Teknologi MARA, Kampus Sungai Buloh

**Yang Berusaha Doktor Nurliyana binti Roslan**

Pengarah Program SMILE 3.0

**Para Pelajar serta hadirin dan hadirat sekalian.**

**[Salutasi - Kemas kini berdasarkan kehadiran]**

**Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam  
Malaysia MADANI.**

1. Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita berkumpul bersama-sama pada hari ini. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak **Fakulti Pergigian, Universiti Teknologi MARA (UiTM)** kerana mengundang saya untuk bersama-sama di dalam **PROGRAM SIRI WEBINAR** bersempena **PROGRAM SMILE 3.0 ANJURAN PELAJAR PASCASISWAZAH DOKTOR KESIHATAN PERGIGIAN AWAM, UiTM.**
  
2. Saya difahamkan bahawa program dengan tema **KESIHATAN UNTUK SEMUA, SETIAP SENYUMAN BERMAKNA** ini merupakan bahagian kedua kepada program SMILE 3.0 yang turut menawarkan siri webinar kepada masyarakat umum. Syabas dan tahniah

diucapkan kepada para pelajar pascasiswazah kerana telah berjaya melaksanakan program berkenaan.

3. Saya berasa amat berbesar hati kerana kita dapat berkumpul bersama-sama pada hari ini bagi meraikan majlis ilmu yang dilaksanakan secara dalam talian, sebagai satu usaha untuk meningkatkan kesedaran dan mengiktiraf pembangunan Liputan Kesihatan Sejagat atau *Universal Health Coverage* di kalangan warga kesihatan, khususnya warga pergigian dan secara amnya untuk rakyat Malaysia.

4. Saya difahamkan, program ini merupakan satu inisiatif Fakulti Pergigian UiTM untuk meningkatkan kesedaran golongan profesional pergigian dan orang ramai mengenai liputan kesihatan sejagat dan keterangkuman pergigian di Malaysia. Ini merupakan usaha murni yang menunjukkan bahawa tugas memberikan kesedaran berkaitan kesihatan tidak hanya terhad untuk petugas kesihatan sahaja, sebaliknya

mahasiswa Institut Pengajian Tinggi turut memainkan peranan penting. Sememangnya pihak Kementerian Pengajian Tinggi menggalakkan keterlibatan mahasiswa membantu komuniti dalam meningkatkan kesedaran kesihatan di Malaysia.

5. Program ini turut dirangka untuk menggalakkan konsep *public-private partnership* atau kerjasama antara badan kerajaan dan swasta dalam meningkatkan penyampaian penjagaan kesihatan. Ia merupakan antara langkah yang kos efektif dan merupakan senario *win-win* atau memberi manfaat kepada badan kerajaan dan swasta dalam memenuhi keperluan Tanggungjawab Sosial Korporat atau CSR.

6. Di samping itu, program ini juga diharapkan dapat mengukuhkan lagi sokongan dari pelbagai sektor terutamanya dalam memastikan liputan kesihatan sejagat, menggalakkan akauntabiliti dan perkongsian maklumat. Ini kerana melalui jalinan ini, ia dapat menambahbaik literasi

kesihatan mulut dalam kalangan masyarakat umum, selain dapat memperkenalkan perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat, demi perubahan tingkah laku masyarakat ke arah kesihatan yang lebih baik.

7. Konsep ekuiti atau kesamarataan dalam aspek kesihatan adalah sangat penting. Walaupun Malaysia telah menawarkan pelbagai rancangan pembangunan merentas pelbagai latar belakang sosioekonomi, masalah ketidaksamarataan terhadap akses kepada perkhidmatan kesihatan dan pergigian masih berlaku. Individu dari golongan seperti komuniti orang asli, penduduk luar bandar, orang kurang upaya, pendatang, dan golongan miskin termiskin merupakan golongan yang terdedah kepada masalah ini.

8. Akses terhadap perkhidmatan kesihatan pergigian masih rendah, walaupun perkhidmatan ini sebenarnya disediakan untuk semua golongan di Malaysia. Antara kekangan untuk mendapatkan perkhidmatan penjagaan

kesihatan pergigian yang dikenal pasti adalah kos, kekangan geografi dan kekangan operasi klinik-klinik kerajaan dari segi tenaga manusia dan lain-lain lagi.

9. Dari aspek kesihatan pergigian, setiap individu berhak untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan dan penjagaan pergigian yang sama. Cabarannya adalah untuk memastikan aspirasi tersebut tercapai, sejajar dengan matlamat Malaysia untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi.

10. Mengatasi cabaran ini memerlukan pendekatan pelbagai aspek yang merangkumi program pendidikan yang komprehensif, penglibatan komuniti, usaha jangkauan yang disasarkan dan kerjasama dalam kalangan profesional pergigian, pendidik, penggubal dasar dan pemimpin masyarakat. Dengan menangani cabaran ini, masyarakat boleh lebih bersedia untuk memahami dan mengutamakan penjagaan pergigian, yang membawa kepada hasil kesihatan mulut yang lebih baik.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

11. Akhir kata, setinggi-tinggi ucapan terima kasih, ikhlas daripada saya kepada tuan-tuan dan puan-puan khususnya kepada Yang Berusaha Profesor Madya Doktor Aida Norashikin Abdul Rahman, pihak UiTM, dan semua pihak yang terlibat di atas komitmen dan kerjasama yang diberikan untuk menjayakan majlis pada hari ini.

**12. Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya sukatanya Merasmikan SIRI WEBINAR BAGI PROGRAM SMILE 3.0.**

**Sekian Wabillahitaufik walhidayah,**

**Wassalamualaikum warahmatullahibarakatuh.**

